

Bil. S 95

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PENDAFTARAN PENJENAYAH, 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PENJENAYAH

3. Daftar penjenayah.
4. Butir-butir hendaklah direkodkan dalam daftar.
5. Kuasa budibicara untuk mengecualikan pendaftaran.

BAHAGIAN III

PENGAMBILAN CAP JARI, GAMBAR DAN BUTIR-BUTIR

6. Cap jari, gambar dan butir-butir orang yang ditangkap.
7. Cap jari, gambar dan butir-butir orang yang disabitkan kesalahan.
8. Pembebasan atau pelepasan orang yang diambil cap jarinya dll. di bawah bab 6.
9. Kewajipan untuk patuh kepada pengambilan cap jari dan gambar.

BAHAGIAN IV

PENGAMBILAN CONTOH BADAN

10. Contoh badan boleh diambil daripada orang yang ditangkap, orang yang disabitkan kesalahan dan banduan.
11. Contoh badan diberi secara sukarela.
12. Orang yang dibenarkan untuk mengambil contoh badan.
13. Pangkalan data DNA.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN

14. Keterangan.
 15. Bentuk perakuan dll.
 16. Aturan-aturan.
 17. Pemansuhan Undang-Undang E. 17 tahun 1956.
 18. Perkecualian.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PENDAFTARAN PENJENAYAH, 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendaftaran Penjenayah, 2008.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran penjenayah".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"persetujuan yang berkenaan", dalam Bahagian IV, mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 112C dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7);

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna —

- (a) seseorang pegawai polis;
- (b) seseorang pegawai kastam, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/06);
- (c) seseorang Pegawai Imigresen, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Akta Imigresen (Penggal 17);
- (d) seseorang pegawai penjara, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Akta Penjara (Penggal 51);

- (e) seseorang pegawai mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang dalam sebarang kes berhubung dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang diperkatakan terhadap sebarang undang-undang yang menjadi tugas agensi itu untuk menguatkuasakannya; dan
- (f) mana-mana orang lain yang dilantik secara bertulis oleh Pesuruhjaya Polis sebagai seorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud-maksud Perintah ini atau sebarang peruntukannya;

"contoh badan", dalam Bahagian IV, mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 112C dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7);

"DNA" bermakna asid *deoxyribonucleic*;

"pangkalan data DNA" bermakna pangkalan data yang diselenggarakan di bawah bab 13;

"maklumat DNA" bermakna maklumat genetik yang diperolehi dari analisis forensik DNA suatu contoh badan;

"cap jari" termasuk cap ibu jari tangan dan cap tapak tangan;

"butir-butir lain", berkenaan dengan seseorang, bermakna apa-apa butir, maklumat atau perihalan orang itu, selain dari butir-butirnya yang boleh didaftarkan, yang mungkin berkaitan atau berguna bagi pengenalannya;

"gambar", berkenaan dengan seseorang, termasuk gambar apa-apa sifat atau tanda yang membezakan pada badannya dan suatu skan mata;

"daftar" bermakna daftar penjenayah yang disimpan menurut bab 3;

"butir-butir yang boleh didaftarkan" bermakna —

- (a) butir-butir sebarang sabitan, hukuman, pembuangan negeri, pengusiran atau deportasi, dan apa-apa nama, perihalan, gambar atau cap jari, atau apa-apa dokumen berkenaan dengan, mana-mana orang yang disabitkan kesalahan, dihukum, dibuang negeri, diusir atau dideportasi itu, mengikut mana yang berkenaan;
- (b) apa-apa butir lain;
- (c) butir-butir sebarang kesalahan yang masih belum selesai diambil kira bagi maksud untuk memutuskan dan menjatuhki hukuman atas sebarang sabitan kerana suatu kesalahan;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Penjenayah, dia adalah Pesuruhjaya Polis.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN PENJENAYAH

Daftar penjenayah.

3. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar mengenai —
- (a) orang-orang yang telah disabitkan atas sebarang kesalahan di dalam Negara Brunei Darussalam; dan
- (b) orang-orang yang telah diperintahkan supaya dibuang negeri, diusir atau dideportasi dari Negara Brunei Darussalam,

dan hendaklah merekodkan di dalamnya butir-butir yang boleh didaftarkan.

- (2) Daftar itu hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar.

Butir-butir hendaklah direkodkan dalam daftar.

4. Tertakluk kepada bab 5, Pendaftar hendaklah merekodkan dalam daftar apa-apa butir yang boleh didaftarkan yang dihantar kepadanya di bawah bab-bab 7 atau 9.

Kuasa budibicara untuk mengecualikan pendaftaran.

5. (1) Pendaftar boleh atas budibicaranya mengarahkan, sama ada pada amnya atau dalam suatu kes atau jenis kes tertentu, supaya mana-mana orang yang —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan;
- (b) selepas disabitkan kesalahan itu telah dijatuhi hukuman suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 dan tidak dihukum penjara kecuali jika tidak membayar denda itu; dan
- (c) dahulunya tidak pernah didaftarkan sebagai seorang penjenayah, tidak perlu didaftarkan di bawah Perintah ini.

- (2) Apabila sebarang arahan tersebut telah diberikan, Pendaftar hendaklah menyimpan butir-butir yang boleh didaftarkan mengenai orang itu selama satu tahun dan hendaklah kemudiannya memusnahkannya:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh satu tahun, membatalkan arahan tersebut dan selepas itu dia hendaklah mencatatkan orang itu dalam daftar, berserta dengan butir-butirnya yang boleh didaftarkan, menurut bab-bab 3 dan 4.

BAHAGIAN III

PENGAMBILAN CAP JARI, GAMBAR DAN BUTIR-BUTIR

Cap jari, gambar dan butir-butir orang yang ditangkap.

6. Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh —

- (a) mengambil atau menyebabkan untuk diambil cap jari dan gambar mana-mana orang yang ditangkap yang dituduh melakukan sebarang kesalahan;
- (b) membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu rekod mengenai butir-butir yang boleh didaftarkan dan apa-apa butir lain mengenai orang itu; dan
- (c) menghantar mana-mana cap jari, gambar dan rekod tersebut kepada Pendaftar.

Cap jari, gambar dan butir-butir orang yang disabitkan kesalahan.

7. Apabila seseorang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan, seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah —

- (a) mengambil atau menyebabkan untuk diambil cap jari dan gambar orang itu;
- (b) membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu rekod tentang —
 - (i) butir-butir sabitan tersebut dan hukuman atau perintah yang dibuat berkaitan dengan orang itu; dan
 - (ii) apa-apa butir lain mengenai orang itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai yang diberi kuasa itu; dan
- (c) menghantar cap jari, gambar dan rekod tersebut kepada Pendaftar.

Pembebasan atau pelepasan orang yang diambil cap jarinya dll. di bawah bab 6.

8. Jika cap jari, gambar dan suatu rekod tentang butir-butir yang boleh didaftarkan mengenai seseorang itu telah dihantar kepada Pendaftar di bawah bab 6(c) dan orang itu kemudiannya dibebaskan atau dilepaskan tanpa suatu sabitan direkodkan terhadapnya —

(a) pegawai yang diberi kuasa yang bertanggungjawab dalam kes itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pendaftar mengenai pembebasan atau pelepasan itu; dan

(b) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya cap jari, gambar dan rekod tersebut dimusnahkan:

Dengan syarat bahawa bab ini tidak dikenakan kepada seseorang yang —

- (i) telah diperintahkan secara sah untuk meninggalkan Negara Brunei Darussalam;
- (ii) dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam; atau
- (iii) telah ditangkap menurut sebarang perintah tahanan yang dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis.

Kewajipan untuk patuh kepada pengambilan cap jari dan gambar.

9. (1) Adalah menjadi kewajipan setiap orang yang ditangkap yang telah dituduh melakukan suatu kesalahan, disabitkan atas suatu kesalahan atau diperintahkan untuk dibuang negeri, diusir atau dideportasi —

(a) untuk patuh kepada pengambilan cap jari dan gambarnya; dan

(b) untuk memberikan butir-butir yang boleh didaftarkan dan butir-butir lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki di bawah Perintah ini.

(2) Jika seseorang yang dikenakan ceraian (1), tanpa alasan yang munasabah, enggan patuh kepada pengambilan cap jari atau gambarnya atau enggan memberikan apa-apa butir yang boleh didaftarkan atau butir-butir lain apabila dikehendaki secara sah oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa —

(a) dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu bulan atau kedua-duanya sekali; dan

(b) pegawai yang diberi kuasa itu boleh, dengan bantuan yang dikehendaki, menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah bagi maksud mengambil cap jari atau gambar orang itu.

(3) Pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah menghantar satu salinan cap jari, gambar dan butir-butir yang boleh didaftarkan itu kepada Pendaftar.

BAHAGIAN IV

PENGAMBILAN CONTOH BADAN

Contoh badan boleh diambil daripada orang yang ditangkap, orang yang disabitkan kesalahan dan banduan.

10. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, suatu contoh badan boleh diambil untuk analisis forensik DNA daripada mana-mana orang yang, pada atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini —

(a) telah ditangkap dan dituduh melakukan suatu kesalahan;

(b) telah disabitkan atas suatu kesalahan; atau

(c) sedang menjalani suatu tempoh hukuman penjara berhubung dengan suatu kesalahan yang atasnya dia telah disabitkan.

(2) Suatu contoh badan boleh diambil daripada seseorang di bawah ceraian (1) selain dari mana-mana cap jari atau gambar yang diambil di bawah Bahagian III.

Contoh badan diberi secara sukarela.

11. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3), mana-mana orang yang —

(a) berada di tempat berlakunya suatu kesalahan semasa kesalahan itu dilakukan; atau

(b) disoal berhubung dengan penyiasatan suatu kesalahan,

boleh secara sukarela bersetuju supaya suatu contoh badan diambil daripadanya untuk analisis forensik DNA.

(2) Suatu contoh badan tidak boleh diambil di bawah ceraian (1) melainkan jika persetujuan diberikan bagi pengambilan contoh badan itu.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), jika persetujuan ibu atau bapa atau penjaga seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun tidak diberikan

tanpa alasan yang munasabah atau tidak dapat diperolehi walau pun dengan segala usaha yang munasabah tetapi dia masih mahu memberi contoh badan itu, maka contoh badan itu boleh diambil daripadanya dengan kebenaran seseorang majistret.

Orang yang dibenarkan untuk mengambil contoh badan.

12. (1) Suatu contoh badan hanya boleh diambil oleh —

(a) seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112);

(b) seseorang pegawai polis yang telah mendapat latihan bagi maksud itu; atau

(c) mana-mana orang lain yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian atau terlatih yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Polis bagi maksud itu.

(2) Sebelum mengambil suatu contoh badan, orang yang dibenarkan di bawah ceraian (1) untuk mengambilnya mestilah memuaskan hatinya bahawa pengambilan contoh badan itu tidak akan membahayakan orang yang daripadanya contoh badan itu akan diambil.

(3) Fakta bahawa suatu contoh badan telah diambil di bawah bab ini hendaklah direkodkan oleh orang yang mengambilnya dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis.

(4) Jika seseorang itu yang daripadanya suatu contoh badan dikehendaki secara sah di bawah Bahagian ini, tanpa alasan yang munasabah, enggan memberi suatu contoh badan atau enggan membenarkan contoh badan itu diambil daripadanya, atau yang selainnya mengadang atau menghalang pengambilan suatu contoh badan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 186 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) dan orang yang dibenarkan di bawah ceraian (1) untuk mengambil contoh badan itu boleh, dengan bantuan yang dikehendaki, menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah bagi maksud mengambil contoh badan itu.

Pangkalan data DNA.

13. (1) Pendaftar boleh menyelenggarakan (sama ada dalam bentuk berkomputer atau pun selainnya) suatu pangkalan data DNA yang di dalamnya hendaklah disimpan semua maklumat DNA yang diperolehi dari suatu contoh badan yang diambil di bawah Bahagian ini, bab 112A dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Apa-apa maklumat yang disimpan dalam pangkalan data DNA itu boleh digunakan —

- (a) bagi perbandingan forensik dengan apa-apa maklumat DNA lain semasa menjalankan penyiasatan ke atas suatu kesalahan;
- (b) bagi mana-mana prosiding terhadap sebarang kesalahan;
- (c) bagi mentadbir pangkalan data DNA bagi maksud-maksud Bahagian ini; dan
- (d) bagi maksud-maksud lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN

Keterangan.

14. (1) (a) Mana-mana cap jari, gambar atau butir-butir yang boleh didaftarkan yang direkodkan dalam daftar;

(b) apa-apa rekod dari pangkalan data DNA;

(c) apa-apa perakuan atau laporan yang dikatakan telah disusun dari butir-butir yang direkodkan dalam daftar atau pangkalan data DNA di bawah Perintah ini; dan

(d) apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai suatu laporan mengenai apa-apa perkara atau hal berkenaan dengan cap jari atau maklumat DNA yang dikemukakan kepada Pendaftar,

boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana mahkamah, jika dikemukakan dari simpanan yang sempurna dan disahkan dengan tandatangan Pendaftar atau pegawai lain yang mungkin diberi kuasa bagi maksud itu olehnya, dan adalah bukti yang mencukupi tentang fakta-fakta yang dinyatakan atau terdapat mengenainya melainkan jika fakta-fakta itu tidak dibuktikan.

(2) Suatu sabitan yang dahulu di mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam boleh dibuktikan dengan mengemukakan suatu perakuan yang dikatakan telah disahkan dengan —

(a) tandatangan seseorang pegawai polis di negara atau wilayah di mana sabitan itu diperolehi; atau

(b) tandatangan seseorang atau pihak berkuasa yang dibenarkan di negara atau wilayah itu untuk menyimpan cap jari atau rekod jenayah,

yang mengandungi satu salinan hukuman atau perintah itu, dan cap jari orang yang disabitkan kesalahan itu, dan dengan mengemukakan sama ada keterangan bahawa cap jari orang yang disabitkan kesalahan itu adalah cap jari orang yang kena tuduh, atau suatu perakuan yang dikatakan telah ditandatangani oleh atau bagi pihak Pendaftar bahawa cap jari atau gambar orang yang disabitkan kesalahan dahulunya telah dibandingkan dengan cap jari atau gambar orang yang kena tuduh dan bahawa cap jari atau gambar itu adalah cap jari atau gambar orang itu juga.

(3) Apa-apa perakuan yang dikeluarkan menurut bab ini adalah, sehingga dibuktikan sebaliknya, keterangan mengenai semua fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa bukti bahawa pegawai yang dikatakan telah menandatanganinya sebenarnya telah menandatanganinya dan diberi kuasa untuk berbuat demikian.

Bentuk perakuan dll.

15. Apa-apa perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki untuk diberikan atau dikeluarkan di bawah Perintah ini hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar.

Aturan-aturan.

16. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk apa-apa yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

Pemansuhan Undang-Undang E. 17 tahun 1956.

17. Undang-Undang Cap Jari, 1956 dan semua undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya adalah dimansuhkan.

Perkecualian.

18. Pendaftar hendaklah menjaga semua rekod penjenayah dan butir-butir yang merupakan butir-butir yang boleh didaftarkan di bawah Perintah ini yang disimpan atau diselenggarakan sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini oleh Biro Cap Jari di bawah Undang-Undang Cap Jari, 1956 (E. 17 tahun 56), dan rekod itu dan butir-butir yang diambil, diterima atau didaftarkan menurut sebarang undang-undang bertulis, sama ada berkuatkuasa atau tidak, hendaklah

dianggap telah sempurna diambil atau diterima dan, apabila didaftarkan, hendaklah, bagi semua maksud Perintah ini, dianggap sebagai terkandung dalam dan menjadi sebahagian dari daftar yang diselenggarakan di bawah Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 1 haribulan April, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**